

SIARAN MEDIA

AGENDA PEMILIKAN RUMAH DALAM KALANGAN B40, SATU LAGI INISIATIF MADANI BUAT RAKYAT MACHANG DAN TANAH MERAH MELALUI PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT (PPR), KPKT

MACHANG, 19 MAC 2023 – YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM), Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan telah menyerahkan **surat tawaran dan kunci rumah kepada 161 pemohon Program Perumahan Rakyat (PPR) Machang dan PPR Batang Merbau** yang berjaya pada pagi ini. Inisiatif ini merupakan salah satu usaha Kerajaan Persekutuan untuk membantu penduduk khususnya golongan isi rumah yang berpendapatan 40 peratus terendah atau B40 memiliki rumah sendiri.

Projek PPR Machang melibatkan pembinaan sebanyak 418 unit rumah dengan nilai keseluruhan RM75 juta manakala **PPR Batang Merbau pula melibatkan pembinaan sebanyak 150 unit rumah bernilai RM22.1 juta**. Berkeluasan 700 kaki persegi dengan 3 bilik tidur, ruang tamu dan dapur yang berpadanan serta ruang utiliti, kediaman ini adalah setaraf dengan kediaman mampu milik yang lain.

Projek PPR ini turut dilengkapi dengan unit rumah Orang Kurang Upaya (OKU), surau, balai komuniti, kedai runcit, gerai makan dan tadika. Ini merupakan antara enam (6) projek PPR yang telah dibangunkan oleh Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) di Negeri Kelantan.

Seramai 140 pemohon telah ditawarkan untuk menghuni PPR Machang dan 21 pemohon bagi PPR Batang Merbau. Semua pemohon yang berjaya telah ditawarkan **pemilikan rumah secara Skim Sewa-untuk-Milik atau Rent-to-Own (RTO)**. **Baki 428 unit lagi akan dibuat pengisian secara berperingkat** dalam tempoh segera.

Skim RTO PPR menawarkan sewaan PPR untuk tempoh masa selama 5 tahun sehingga 20 tahun. Tawaran untuk memiliki akan diberikan setiap 5 tahun dengan membuat baki bayaran penuh dengan syarat penyewa konsisten dalam membuat pembayaran sewaan dan bayaran penyelenggaraan.

Kadar bayaran sewa adalah sebanyak RM225 sebulan dan tambahan RM140 lagi untuk kos penyelenggaraan (maintenance fee). Jumlah bayaran adalah sebanyak **RM365**

sebulan. Kerajaan telah bersetuju meletakkan pengurusan PPR ini di bawah tanggungjawab PR1MA Facilities Management Sdn. Bhd. (PFMSB) iaitu anak syarikat Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA), salah satu agensi perumahan di bawah KPKT.

Bayaran sewa sebanyak RM225 sebulan untuk tempoh 20 tahun (maksimum) dan ini menjadikan **harga rumah yang dibayar oleh setiap pemilik hanyalah sebanyak RM54,000 sahaja berbanding dengan kos pembinaan rumah ini yang dianggarkan bernilai RM147,000 hingga RM179,000 seunit.**

Menurut YB KM, “KPKT sentiasa komited dalam memastikan rakyat disediakan dengan kediaman yang mencukupi, selesa, berkualiti dan paling penting mampu dimiliki. Sejumlah RM367 juta telah diluluskan untuk pembinaan PPR baharu di seluruh negara melalui pembentangan Bajet 2023 baru-baru ini. Peruntukan ini akan memberi manfaat kepada sejumlah 12,400 orang penghuni baru, terutamanya golongan B40 yang sentiasa menjadi fokus kerajaan.”

Tambah beliau, “Rakyat seharusnya rasa bertuah dan bersyukur kerana Kerajaan telah memberikan subsidi hampir 65% untuk sebuah rumah yang selesa, selamat dan berdaya huni. Ini menunjukkan kesungguhan kerajaan dalam membantu golongan B40 untuk memiliki rumah dengan menawarkan setiap unit rumah pada kadar sewaan yang amat rendah.”

Majlis turut dihadiri oleh YB Tuan Hilmi bin Abdullah, Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Kesihatan Negeri Kelantan; YBhg. Datuk M Noor Azman bin Taib, Ketua Setiausaha KPKT; YBhg. Datuk Saidatu Akhma binti Hassan, Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan dan Persekitaran Mampan); YM Dato' Dr. Tengku Mohamed Faziharudean bin Tengku Feissal, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan) Negeri Kelantan; dan YBhg. Datuk Seri Haji Mohd Nazri bin Md Shariff, Ketua Pegawai Eksekutif PR1MA serta pengurusan Tertinggi KPKT dan ketua jabatan peringkat negeri dan daerah.

#StrongerTogether
#UnityInDiversity
#DemiPertawi
#MalaysiaMADANI

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my*